



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 8 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **825 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **28,234 kes** (70.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Secara keseluruhannya, sehingga 8 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **852 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **40,209 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 11,689 kes**.

Untuk makluman, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 524 kes (61.5 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini. Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 161 kes (18.9 peratus) dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan mencatatkan sebanyak 24 kes positif (2.8 peratus) pada hari ini. Kelima-lima negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan

Bersyarat (PKPB) dan menyumbang sebanyak 709 kes (83.2 peratus) daripada keseluruhan kes positif COVID-19 pada hari ini.

Sebanyak 70 kes (8.2 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara. Ini melibatkan Kluster Penjara Sandakan (34 kes), Kluster Benteng LD (18), Kluster Penjara Kepayan (9 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (7 kes), Kluster Rumah Merah (1 kes), dan Kluster PTS Tawau (1 kes).

Ingin dimaklumkan daripada 852 kes baharu pada hari ini, **terdapat 13 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara** yang melibatkan lapan (8) warganegara dan lima (5) bukan warganegara yang tiba dari negara:

- Indonesia (3 kes);
- Arab Saudi (3 kes);
- Nepal (2 kes);
- Maghribi (1 kes);
- Emiriah Arab Bersatu (1 kes);
- United Kingdom (1 kes);
- Turki (1 kes); dan
- Korea Selatan (1 kes).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 524 kes**
 - 89 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 338 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 97 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 136 kes**
 - 45 kes daripada kluster-kluster sedia ada, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Ikhtisas**;
 - 44 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
 - 46 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan : 104 kes**
 - 93 kes daripada kluster-kluster sedia ada, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Ikhtisas**;
 - Lapan (8) daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan : 23 kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 20 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang : 18 kes**
 - 17 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 11 kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak : Tujuh (7) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Melaka : Lima (5) kes**
 - Tiga (3) daripada kluster baharu iaitu **Kluster Berendam**; dan
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Kedah : Tiga (3) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak : Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya : Dua (2) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Kelantan : Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor : Satu (1) kes** daripada saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah).
- **Terengganu : Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

Sehingga kini, terdapat **94 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **32 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa

terdapat pertambahan **empat (4) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **286 kes** (0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
283	35983	Sabah	Lelaki (WN)	66	Hospital Duchess of Kent	Penyakit jantung
284	18815	Sabah	Perempuan (WN)	81	Hospital Tawau	Penyakit darah tinggi dan kanser payudara
285	16848	Perak	Lelaki (WN)	62	Hospital Raja Permaisuri Bainun	-
286	34174	Kedah	Perempuan (WN)	62	Hospital Pulau Pinang	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit buah pinggang kronik

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

KLUSTER DIISYTIHAR TAMAT

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat dua (2) kluster telah tamat pada hari ini.

1. KLUSTER PUTRA

Kluster ini melibatkan daerah Bintulu di negeri Sarawak.

Sehingga 8 November 2020, seramai 190 orang telah disaring di mana lima (5) kes dikesan positif COVID-19 dan baki 185 orang adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan dalam kluster ini.

2. KLUSTER KUARTERS

Kluster ini melibatkan daerah Tongod, Telupid dan Kinabatangan di negeri Sabah.

Sehingga 8 November 2020, seramai 1,432 orang telah disaring di mana sembilan (9) kes dikesan positif COVID-19 dan baki 1,423 orang adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan dalam kluster ini.

DUA (2) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat dua **(2) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER IKHTISAS

Kluster baharu ini melibatkan daerah Petaling dan Klang di negeri Selangor, daerah Jeli di negeri Kelantan dan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-33122) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan pra pembedahan pada 29 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 21 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 8 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 362 individu telah disaring, di mana:

- 22 kes dikesan positif COVID-19 (**8 kes baharu**);
- 213 kes dikesan negatif; dan
- 127 individu masih menunggu keputusan.

2. KLUSTER BERENDAM

Kluster baharu ini melibatkan daerah Alor Gajah dan Melaka Tengah di negeri Melaka. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-32489, kes ke-39353, dan kes ke-39354) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu-individu bergejala pada 30 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak lima (5) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Melaka.

Sehingga 8 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 1,861 individu telah disaring, di mana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**);
- 109 individu dikesan negatif; dan
- 1,744 individu masih menunggu keputusan.

PERKHIDMATAN SARINGAN COVID-19 OLEH SEKTOR SWASTA

KKM maklum bahawa sejajar dengan peningkatan kes COVID-19 kebelakangan ini, permintaan dari orang perseorangan serta majikan untuk mendapatkan perkhidmatan saringan COVID-19 **secara sukarela** telah turut meningkat, termasuk pelbagai promosi berkaitan. Secara amnya, saringan

COVID-19 merangkumi proses pengambilan sampel dari pesakit dan juga proses ujian ke atas sampel tersebut.

Kementerian ingin menegaskan bahawa **di sektor swasta, proses pengambilan sampel** hanya boleh dijalankan di fasiliti berikut iaitu:

1. Klinik perubatan swasta (*private medical clinic*);
2. Pusat jagaan ambulatori swasta (*ambulatory care centre*); atau
3. Hospital swasta.

Manakala bagi penyediaan **health screening booth secara on-site** di tempat selain di fasiliti di atas (misalnya di kilang, dewan orang ramai atau bangunan pejabat), perkhidmatan ini **hanya boleh ditawarkan oleh pihak klinik perubatan swasta**.

Bagi **proses pengujian sampel** yang telah diperolehi, ia boleh diproses di fasiliti kesihatan itu sendiri atau dihantar ke mana-mana makmal perubatan swasta diakreditasi KKM, bergantung kepada kemudahan yang tersedia di tempat pengambilan sampel dan juga jenis saringan yang dijalankan (RTK Ag/RT-PCR). Setiap fasiliti berkaitan yang menawarkan perkhidmatan saringan COVID-19, dan semua makmal yang menjalankan ujian ke atas sampel tersebut, perlu **mematuhi setiap syarat dan garis panduan** yang telah dikeluarkan oleh KKM. Ini bagi memastikan aspek keselamatan pesakit dan petugas kesihatan serta kualiti perkhidmatan yang ditawarkan tidak dikompromi.

KKM memuji inisiatif majikan yang mengambil inisiatif menjalankan saringan bagi pekerja mereka. Namun KKM ingin meminta kerjasama majikan dan orang ramai untuk memastikan bahawa mereka hanya berurusan dengan penyedia

perkhidmatan saringan COVID-19 yang mematuhi ketetapan syarat dan garis panduan KKM.

Senarai kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang menawarkan perkhidmatan saringan COVID-19 boleh dirujuk di laman sesawang KKM, laman sesawang Bahagian Amalan Perubatan <http://medicalprac.moh.gov.my/v2/> serta dalam aplikasi MySejahtera.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;

- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

8 November 2020 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 8 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	524	20,422
SELANGOR	148 (12)	6,149
W.P. KUALA LUMPUR	11	3,175
KEDAH	3	2,209
NEGERI SEMBILAN	104	2,053
PULAU PINANG	18	1,360
SARAWAK	2	987
W.P. LABUAN	24 (1)	983
JOHOR	1	931
PERAK	7	596
PAHANG	0	395
MELAKA	5	327
TERENGGANU	1	225
KELANTAN	2	186
W.P. PUTRAJAYA	2	173
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	852 (13)	40,209

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(8 November 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Lengkuk	Selangor, Negeri Sembilan	Sepang, Seremban, Port Dickson, Rembau	69	138	499	134 (0)	4	0
2	Penjara Sandakan	Sabah	Sandakan	34	421	1,012	421 (1)	0	0
3	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan, Tuaran	18	1,145	16,543	140 (0)	1,004	1
4	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor, Johor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor,	13	557	2,084	204 (2)	353	0

**Petaling, Hulu
Langat, Kluang**

5	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	11	417	2,254	302 (1)	115	0
6	Cergas	Negeri Sembilan	Seremban	10	117	1,048	113 (0)	4	0
7	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang	9	1,821	3,950	635 (1)	1,186	0
8	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	7	489	3,167	225 (0)	264	0
9	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur	Klang, Petaling, Kuala Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai	7	168	212	160 (1)	8	0
10	Jalan Bomba	Sabah	Sandakan	7	61	335	17 (0)	42	2
11	Rengas	Perak	Kuala Kangsar	7	51	310	51 (0)	0	0
12	Mampulut	Sabah	Keningau	6	46	358	46 (0)	0	0

13	Ria-30	Sabah	Tuaran	5	24	554	24 (0)	0	0
14	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kulim, Kota Setar, Kerian, Larut Matang & Selama	4	120	2,245	75 (4)	45	0
15	Permatang	Kedah, Pulau Pinang, Perak	Kulim, Langkawi, Kota Setar, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut, Seberang Perai Selatan, Kinta	4	42	1,150	41 (1)	0	1
16	Intan	Pulau Pinang, Kedah	Timur Laut, Kuala Muda	4	35	309	31 (1)	4	0
17	Jernih	Negeri Sembilan	Seremban	4	23	122	10 (0)	13	0

18	Mesra	Sabah	Sandakan	3	142	173	70 (0)	71	1
19	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Klang, Gombak, Sepang, Seremban, Port Dickson	3	137	2,074	65 (0)	72	0
20	Merpati	Selangor, WP Kuala Lumpur	Selangor, Gombak, Kuala Langat, Cheras, Kepong	3	52	139	6 (0)	46	0
21	Teduh	Sabah	Lahad Datu	3	49	2,783	8 (0)	41	0
22	Tapak Bina Damanlela	WP Kuala Lumpur, Selangor	Kepong, Titiwangsa, Lembah Pantai, Gombak, Kuala Selangor, Petaling	3	22	317	22 (0)	0	0
23	Teratai	Selangor	Klang, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	2	76	110	76 (0)	0	0

24	Gedong	Negeri Sembilan, Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Seremban, Port Dickson, Rembau, Petaling, Johor Bahru, Cheras, Lembah Pantai, Putrajaya	2	50	623	40 (0)	10	0
25	Keladi	Selangor	Klang, Kuala Langat	2	49	350	11 (0)	38	0
26	Telipok	Sabah	Kota Kinabalu, Tuaran	2	16	148	9 (0)	7	0
27	Seridana	WP Putrajaya	Putrajaya	2	14	76	13 (0)	1	0
28	PTS Tawau	Sabah	Tawau	1	600	1,671	595 (0)	4	1
29	Rumah Merah	Sabah	Kota Kinabalu	1	416	1,796	415 (2)	1	0
30	Tenaga	WP Labuan	Labuan	1	102	229	102 (0)	0	0
31	Makekar	Terengganu, Selangor	Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu, Marang, Besut, Kuala Nerus, Klang	1	62	2,428	51 (0)	11	0
32	Titian	WP Labuan	Labuan	1	46	530	31 (0)	15	0

33	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol	1	42	855	16 (0)	26	0
34	Palma	Selangor, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Selangor, Kepong	1	22	116	3 (0)	19	0